



# UMP dan 3 Universiti Asia kongsi kepakaran dalam teknologi acuan tekap

Berita dan Foto oleh: DR. SYARIFAH NUR AQIDA SYED AHMAD

Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang merupakan peneraju pusat kecemerlangan (iCoE) dalam bidang acuan tekap di Malaysia bekerjasama dengan tiga universiti luar negara iaitu Iwate University Japan, Hanbat National University Korea dan Dalian University of Technology China dalam mewujudkan konsortium antarabangsa yang akan mengkoordinasi hubungan antara universiti dan industri acuan tekap di rantau Asia.

UMP merupakan satu-satunya universiti di Malaysia yang dipilih menyertai Asian International Education and Research Consortium on Die and Mould Technology dalam menjalinkan kerjasama pendidikan antarabangsa dan penyelidikan berkaitan bidang ini.

Majlis menandatangani dokumen memorandum persefahaman (MoU) menyaksikan Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim hadir mewakili UMP dan Dalian University of Technology (DUT) diwakili oleh Timbalan Presidennya, Profesor Guiling Ning. Iwate University Jepun diwakili oleh Timbalan Presiden, Profesor Akira Iwabuchi dan Hanbat National University Korea diwakili oleh Pengarah Industry-University Cooperation Foundation iaitu

Profesor Kim Taeil.

Hadir sama dalam majlis, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dr. Mashitah Mohd Yusoff dan Pengarah Pusat Kejuruteraan Automotif (AEC), Dr. Abdul Adam Abdullah.

Menurut Profesor Dato' Dr. Daing Nasir, kerjasama ini memberi pengiktirafan kepada UMP dalam menerajui bidang acuan tekap ini yang akan memberi kelebihan kepada universiti terutamanya melibatkan pembangunan penyelidikan serta program pertukaran pelajar antara universiti terlibat.

"Penglibatan awal UMP dengan konsortium ini bermula sejak tiga tahun lalu di mana satu memorandum persefahaman dimeterai dengan Iwate University Jepun telah dijalinkan oleh Pusat Kejuruteraan Automotif (AEC) untuk memperkasakan bidang 'mold & die' di Malaysia," katanya yang menandatangani MoU di Dalian University of Technology China, Dalian China pada 25 September 2013 yang lalu.

Tambah beliau, kerjasama ini dijangka dapat mengembangkan industri pembuatan tempatan dengan meminimumkan bilangan pengambilan kepakaran asing serta mengurangkan kebergantungan kepakaran

dari luar negara.

Selain itu, keupayaan tenaga mahir tempatan dalam pembuatan acuan ini turut meningkatkan industri lain berkaitan termasuklah komponen kenderaan, pemesinan dan teknologi plastik yang menyokong ke arah perkembangan industri automotif negara.

Kata beliau, UMP turut melantik Profesor Dr. Iwabuchi dan Profesor Dr. Nishimura sebagai profesor tamu di Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP).

Bersempena dengan program ini juga turut diadakan simposium antarabangsa bagi membincangkan berkaitan bidang acuan tekap melibatkan penyertaan dalam kalangan peserta konsortium. Antara perkongsian pengetahuan melibatkan tajuk *Tribology in Mold and Die Design, Heat Transfer in Mold and Die & Computational Thermal Analysis Method*. Peserta turut berpeluang melawat industri berkaitan acuan tekap di sekitar Dalian.

Hadir sama menyertai delegasi Timbalan Dekan Penyelidikan, Inovasi & Pascasiswazah FKP, Dr Ahmad Razlan Yusoff dan Ketua iCoE (*Mould & Die*), AEC, Dr Syarifah Nur Aqida Syed Ahmad.